



NAIB Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramli (tengah) bersama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd Nasir Shamsudin (enam dari kiri), Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM, Prof. Dr. Ing Ir. Renuganth Varatharajoo (dua dari kanan) dan Bendahari UPM, Zulkifle Othman (kanan) melihat anugerah tertinggi Pingat Emas Canselor yang diperoleh Ermelia Rohayu Ramli (enam dari kiri) bersama graduan cemerlang lain dalam sidang akhbar sempena Majlis Konvokesyen UPM Ke-39 di Serdang, Selangor, semalam.

7,055 graduan UPM terima ijazah, diploma

KUALA LUMPUR 19 Okt. - Sera-mai 7,055 graduan daripada pel-bagai program pengajian bakal menerima ijazah dan diploma masing-masing dalam Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-39 bermula 31 Oktober ini.

Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi UPM dalam satu kenyataan berkata, daripada jumlah itu, 469 orang menerima ijazah doktor falsafah (PhD), ijazah sarjana (1,860), ijazah sarjana muda (4,298) dan diploma (428).

Katanya, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang juga Canselor UPM akan mengurniakan PhD, ijazah sarjana, ijazah sarjana muda dan diploma kepada graduan pada hari pertama konvokesyen.

Sultan Sharafuddin juga berkenan mengurniakan Hadiah Pingat Emas Canselor, Pingat Emas Pelajaran Diraja (Bumiputera), Pingat Emas Alumni dan Pingat Emas Prof. Emeritus, Tan Sri Dr. Rashdan Baba, Pingat Emas Pela-



jaran Diraja (bukan Bumiputera) dan Pingat Emas Yayasan Pak Rashid.

"Baginda juga berkenan menyampaikan Pingat Putra Agribio, Pingat Emas Doktor Falsafah, Pingat Emas Master Dengan Thesis, Hadiah Buku Tahunan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dan Hadiah Syed Kechik," kata kenyataan itu di sini, hari ini.

Konvokesyen yang akan berlangsung selama empat hari hingga 3 November itu dijadualkan berlangsung di Dewan Besar, Pu-sat Kebudayaan dan Kesenian Sul-tan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM, Sri Serdang, dekat sini.

Menurut kenyataan yang sama,

UPM akan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Pengurus Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Emeritus, Tan Sri Dr. Zakri Abdul Hamid pada sesi pertama konvokesyen.

Katanya, Pengurus United Melaka Berhad, Tan Siok Choo-pula bakal menerima Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Perla-dangan dan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan kepada Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim dalam sesi yang sama.

Jelas kenyataan itu, pada hari kedua konvokesyen pula, Pro Canselor UPM, Tan Sri Dr. Nay-an Ariffin akan menyampaikan Anugerah Profesor Emeritus kepada Prof. Dr. Karen Anne Crouse @ Ani Abdullah.

Tambahnya, dua Pro Canse-lor UPM lain yang turut terlibat dalam majlis konvokesyen tersebut adalah bekas pemimpin MCA, Tan Sri Lim Ah Lek dan Presiden merangkap Ketua Pegawai Ekse-kutif Kumpulan Sime Darby Bhd., Tan Sri Mohd. Bakke Salleh.